SYOR LARAS HARGA MINYAK IKUT MINGGUAN

KERAJAAN SEDIA PERTIMBANG

Oleh Syarifah Dayana Syed Bakri
dayana@hmetro.com.my
Petaling Jaya

Kerajaan bersikap terbuka dengan cadangan pelaksanaan pelarasan harga petrol secara mingguan sebagaimana yang dicadangkan persatuan pengusaha stesen minyak dan akan mempertimbangkannya sekiranya cara itu tidak membebankan pengusaha dan pengguna.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, kerajaan sentiasa bersedia menerima cadangan daripada pengusaha stesen minyak terutama sekiranya langkah berkenaan memberi manfaat kepada rakyat.

"Kita tidak melihat sebarang masalah melakukan pelarasan secara mingguan, tetapi syarikat minyak dan pengusaha stesen minyak perlu bersetuju dengan cara berkenaan dan perlu ada sistem bersesuaian," katanya selepas majlis penyampaian cabutan bulanan, mingguan dan tempatan SSP Bank Simpanan Nasional (BSN) di sini, semalam.

> "Di negara barat, pelarasan harga dilakukan setiap hari"
>
> *Johari Abdul Ghani*

Menurutnya, pihak persatuan dijangka menghantar memorandum kepada Kementerian Kewangan minggu depan dan kerajaan akan mengumumkan sekiranya bersetuju dengan cara yang dicadangkan.

"Di negara barat, pelarasan harga dilakukan setiap hari dan buat masa ini kita melakukannya setiap bulan.

"Kelebihan kaedah ini adalah apabila berlaku sebarang kenaikan atau penurunan harga, ia tidak akan memberi kesan terlalu drastik kepada harga jualan petrol semasa," katanya

Baru-baru ini, akhbar melaporkan mengenai cadangan semakan harga runcit petrol RON95, RON97 dan diesel secara mingguan bagi mengelakkan lebih 3,200 pengusaha stesen minyak di seluruh negara mengalami kerugian.

Cadangan berkenaan antara lain menyebut mengenai perbezaan harga maksimum lima sen supaya perubahan harga tidak menjadi terlalu ketara berbanding jika dilakukan setiap bulan.

Sementara itu, Johari berkata, kerajaan tidak berhasrat melakukan sebarang semakan semula terhadap Bajet 2016 pada masa sekarang biarpun berlakunya penurunan harga minyak mentah global.

"Sewaktu bajet berkenaan disediakan, harga minyak mentah adalah sekitar AS$48 (RM206) setong dan kini turun kepada AS$36 (RM154.50) setong.

"Impaknya terhadap pendapatan kerajaan masih lagi memadai dan kita tidak melihat sebarang keperluan untuk melakukan semakan semula bajet itu sekarang," katanya.